

Menilai kualiti pendidikan

■ Pengukuran ikut versi terkini SKPM dibuat sekurang-kurangnya 3 kali dalam setahun

Siti A'isyah Sukaimi

sitiaisyah@hmetro.com.my

Seiring dengan perubahan serta memenuhi keperluan pada masa kini, penilaian terhadap kualiti pendidikan turut dipertingkatkan dan ia dibuat secara menyeluruh serta mengambil kira pelbagai aspek.

Justeru, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) turut tidak terkecuali dalam perkara ini apabila versi keempat yang juga gelombang kedua akan mula dilaksanakan bermula tahun depan.

Berdasarkan sejarah pelaksanaannya, SKPM diperkenalkan pada 2001 serta digunakan di semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan di seluruh negara serta melalui evolusi dengan tiga versi.

Menceritakan lebih lanjut mengenai perkara itu, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Dr Amin Senin berkata, SKPM disifatkan sebagai alat pengurusan yang akan membantu sekolah meningkatkan kualiti pendidikan masing-masing.

"Jika dulu, pelaksanaannya juga bersifat holistik namun ada beberapa aspek berbeza serta diambil kira, sekali gus berbeza dengan gelombang kedua yang digunakan pada tahun depan.

"Sebelum ini, kandungan dalam SKPM itu berbentuk generik (umum), manakala untuk gelombang kedua ia lebih khusus dan ia turut membabitkan tindakan yang diambil oleh pihak sekolah melihat kepada tahap serta hasil diperolehi," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, mengikut versi yang lama, penilaian SKPM dibuat setahun sekali, manakala bagi versi terkini akan dibuat sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun.

"Menerusi pelaksanaan SKPM, ia mengandungi set standard tindakan perlu dilaksanakan serta standard kualiti perlu dicapai oleh barisan pemimpin dan warga sekolah dalam mengurus atau mentadbir serta melaksanakan proses penyampaian pendidikan.



"Set standard ini terbahagi kepada Standard Kepimpinan, Standard Pengurusan Organisasi, Standard Pengurusan Program Pendidikan, Standard Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Kemenjadian Murid," katanya.

Dr Amin berkata, pelaksanaan versi terkini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan ia menekankan tindakan kualiti bagi mencapai standard serta peranan pengetua dan guru besar sebagai peneraju sekolah dan guru dalam melaksanakan PdP Abad 21 berpusatkan pelajar serta murid.

Katanya, pada tahun depan, penilaian bagi menentukan band sekolah akan sepenuhnya menggunakan SKPM bagi menggantikan Skor Komposit.

"Sebagai contoh, sebanyak 30 peratus SKPM dan 70 peratus akademik diambil kira bagi penilaian sekolah kluster menerusi kaedah sebelum ini manakala ia akan 100

peratus berdasarkan SKPM bermula tahun depan.

"Oleh itu, SKPM ini sebagai panduan kepada sekolah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan membuat penambahbaikan, malah skor penilaian sendiri bagi SKPM digunakan sebagai skor yang menentukan sekolah berdasarkan band dan ranking (kedudukan)," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, SKPM menjadi instrumen utama pemeriksaan jemaah nazir dan skor hasil pemeriksaan itu menjadi penentu kepada pemberian anugerah tertentu kepada sekolah seperti Anugerah Tawaran Baharu kepada pengetua dan guru besar, Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan serta menentukan pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster.

Selain itu, katanya, instrumen Standard PdP juga menjadi sebahagian instrumen pemilihan Guru Cemerlang.

Ditanya mengenai pemantauan menerusi pelaksanaan SKPM gelombang kedua itu, Dr

Amin berkata, Kementerian Pendidikan lebih memfokuskan untuk memberi bimbingan kepada pihak sekolah.

"Mengikut pengalaman dulu, apabila SKPM dibuat setiap hujung tahun, tiada bukti yang boleh dilihat terhadap perkembangan dibuat pihak sekolah.

"Jadi, kita boleh melihat perkembangan ini menerusi gelombang kedua yang akan dilaksanakan kerana SKPM ini akan membantu meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah," katanya.

Sementara itu, Dr Amin berkata, kerjasama di sekolah antara pengetua dan guru besar

serta semua guru akan membantu melonjak dengan lebih cepat.

"Sekolah yang baik dan berjaya mengekalkan kecemerlangan, kepimpinannya tidak terletak kepada pengetua dan guru besar saja, tetapi kepada penolong kanan, ketua bidang serta ketua panitia.

"Jika bergantung kepada pengetua dan guru besar saja, ia lambat dan sebab itu, kita

mempunyai pelbagai strategi termasuk program sekolah transformasi yang dibincangkan pada masa akan datang.

"Pendekatan kita ialah pembangunan kepimpinan teragih iaitu bukan kepada pengetua dan guru besar tetapi, tanggungjawab kepada semua guru di sekolah,"

katanya.

"SKPM ini sebagai panduan kepada sekolah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan membuat penambahbaikan"
Dr Amin Senin

